

TR 6:5:71

UCAPAN PERDANA MENTERI DIPERJUMPAAN AKBAR DI BILIK GERAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR, PADA 27HB MEI, 1971

Sebagaimana yang tuan-tuan sedia maklum, tujuan Perjumpaan Akbar ini ialah untuk menerangkan setengah-setengah aspek penting dalam Rancangan Malaysia Kedua yang akan dilancarkan secara rasmi sebaik-baik sahaja dilulus dan diterima oleh Parlimen di persidangannya dalam bulan Julai ini.

Tenaga dan bicara banyak telah digunakan untuk menggubal Rancangan Malaysia Kedua ini. Rancangan ini telahpun diluluskan oleh Majlis Ekonomi Negara dan Jumaah Menteri, pada 25hb Mei, yang lalu. Rancangan ini akan dicetak untuk dibentangkan di Parlimen. Sementara itu, saya fikir ada baiknya jika keterangan-keterangan pendahuluan mengenai rancangan ini dapat disebarkan untuk pengetahuan rakyat melalui akbar-akbar dan alat-alat sebaran am yang lain.

Rancangan Malaysia Kedua merupakan satu rancangan yang berani dan realistik untuk masa lima tahun yang akan datang. Ia tegak di atas asas yang teguh yang tersedia kian lama di masa lampau.

Sungguhpun kemajuan telah tercapai sepuluh tahun yang lalu, namun tugas-tugas di masa hadapan merupakan cabaran-cabaran besar dan masih banyak lagi yang harus diusahakan. Soal-soal kemiskinan, pengangguran dan jurang perbezaan ekonomi di antara kaum khususnya terus menjadi masalah-masalah besar yang memerlukan perhatian kita segera. Perpaduan negara mementingkan agar masalah-masalah ini diatasi. Dasar Ekonomi Baru ini adalah bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan pada 23hb Januari, tahun lalu, Dasar, Ekonomi Baru mempunyai dua tujuan utama. Pertama, membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat Malaysia, tanpa mengira keturunan. Kedua, menyusun semula struktur

masyarakat Malaysia. Tujuan ini adalah untuk memperbaiki khususnya kedudukan ekonomi yang tidak seimbang di antara kaum dengan memodenkan kehidupan desa, memesat dan mengimbangkan lagi pertumbuhan kegiatan-kegiatan bandar dan membentuk satu masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu. Kesudahannya, pengenalan kaum mengikut kegiatan-kegiatan ekonomi yang tertentu, sebagaimana terdapat sekarang ini akan hapus.

Rancangan Malaysia Kedua ini bertujuan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang bersifat serampang mata dua itu. Ini akan berjalan di dalam suasana ekonomi yang berkembang. Rancangan ini akan menambahkan peluang hidup yang lebih lumayan bagi semua rakyat Malaysia. Di samping itu, perkembangan ekonomi akan dihasilkan sedemikian rupa hingga tercapai segala tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru itu.

Rancangan ini membayangkan bertambahnya Keluaran Negara Kasar (KNK) setinggi 6.5% setahun. Ini akan menghasilkan pendapatan per kapita sebanyak \$1,300 pada tahun 1975, berbanding dengan \$1,080 pada tahun 1970.

Banyaknya bilangan pekerjaan yang wujud sepanjang masa rancangan ini adalah dianggarkan lebih kurang 600,000 atau purata 120,000 pekerjaan setahun. Takat mengujudkan pekerjaan-pekerjaan ini merupakan 30% lebih tinggi daripada yang tercapai dalam masa lima tahun yang lalu. Dengan ini kadar pengangguran akan dapat dihadkan setakat 7.3% daripada bekalan buruh bagi seluruh Malaysia.

Belanjawan pembangunan yang besar bagi pihak-pihak awam dan swasta diperlukan untuk menambahkan keluaran pendapatan dan pekerjaan.

Untuk tujuan ini perbelanjaan pembangunan dalam Rancangan ini, bagi sektor-sektor awam dan swasta, berjumlah \$14,350 juta; dan \$7,250 juta dari jumlah ini ialah untuk perbelanjaan pembangunan yang akan diusahakan oleh sektor awam. Bakinya sebanyak \$7,100 juta adalah bagi sektor swasta. Matlamat-matlamat ini munasabah dan negara mempunyai hasil-mahsul yang mencukupi untuk membiayai pembangunan ini.

Bagi sektor awam, perbelanjaan pembangunan dibahagi-bahagikan di antara lapangan-lapangan tertentu seperti berikut:

Sektor Ekonomi	\$4,795 juta	=66.1%
Sektor Sosial	1,147 ..	=15.8%
Sektor Kerajaan (Pentadbiran Am)	208 ..	= 2.9%
Pertahanan	850 ..	=11.7%
Keselamatan Dalam Negeri	250 ..	= 3.5%
Jumlah	<u>\$7,250 juta</u>	<u>= 100%</u>

Pembahagian jumlah perbelanjaan pembangunan \$7,250 juta mengikut kawasan, adalah seperti berikut:

Malaysia Barat	\$5,905.12 juta
Persekutuan	\$5,662.34 juta
Negeri-negeri	242.78 ..
Sabah	749.20 ..
Sarawak	595.68 ..
Jumlah	<u>\$7,250.00 juta</u>

Berhubung dengan perkara ini, rancangan-ancangan pembangunan yang besar untuk mencapai tujuan pertama Dasar Ekonomi Baru adalah:

- Pertama ... Menambahkan lagi lebih daripada dua kali ganda kadar rancangan kemajuan tanah yang akan melibatkan seluas satu juta ekar tanah di sepanjang jangka masa Rancangan, dan memberi pekerjaan-pekerjaan dan pendapatan-pendapatan kepada 100,000 orang.
- Kedua ... Meningkatkan lagi kadar rancangan penanaman semula getah pekebun-pekebun kecil menjadi 685,000 ekar dan mengadakan kilang-kilang memproses getah yang moden untuk mengeluarkan getah SMR supaya bertambah pendapatannya.

- Ketiga ... Menggalakkan pemodenan sektor luarbandar dengan meluaskan lagi penggunaan sains dan teknologi, kaedah-kaedah ternakan yang maju, teknik-teknik dan perikanan yang moden.
- Keempat ... Meluaskan rancangan pertanian, peraturan-peraturan kredit dan pemasaran yang lebih sempurna melalui Persatuan-persatuan Peladang, Bank Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan;
- Kelima ... Mengadakan kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan, perumahan, bekalan air dan letrik, kepada kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah di kawasan-kawasan bandar dan desa.

Tujuan penting yang kedua Dasar Ekonomi Baru ialah menyusun semula struktur masyarakat untuk memperbaiki keadaan ketidakimbangan ekonomi dan membentuk satu masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu. Tujuan kedua ini terkeluar dari rancangan-rancangan yang lalu, terutama sekali dalam perkara berikut:

- Pertama ... Kerajaan akan memainkan peranan yang positif dan secara terus menerus menubuhkan usaha-usaha perdagangan dan perusahaan, yang pada mulanya akan dikawal sebagai amanah dan kemudiannya dipindahkan kepada orang-orang Melayu dan Bumi-putra yang lain;
- Kedua ... Dengan "masterplan-masterplan" kawasan dan estet-estet perusahaan, Kerajaan akan menubuhkan pusat-pusat Perkembangan dan pekan-pekan baru serta menggalakkan agar disebarkan perusahaan. Usaha-usaha ini bertujuan untuk diperbandar dan dimodenkan kawasan-kawasan yang sedia ada dan juga yang baru dibuka;

Ketiga ... Keutamaan diberikan untuk melatih orang-orang Melayu dan Bumiputra lainnya di lapangan pengurusan dan pengarahan, supaya dapat melengkapkan mereka untuk memilih dan mengurus syarikat-syarikat perdagangan dan perusahaan.

Bagi melaksanakan tujuan kedua Dasar Ekonomi Baru ini, badan-badan seperti MARA, PERNAS, Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan, Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad dan Lembaga Kemajuan Bandaran akan membekalkan bantuan-bantuan teknik dan kewangan yang perlu bagi usaha-usaha perdagangan dan perusahaan Melayu, samada diusahakan secara persendirian ataupun berkongsi dengan orang-orang bukan Melayu.

Kerajaan telah menetapkan satu matlamat bahawa, dalam tempoh dua puluh tahun, sekurang-kurangnya 30% daripada kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan, dalam segala jenis dan bentuk, disertai oleh orang-orang Melayu dalam segi pemilihan dan pengurusan. Tujuannya ialah agar dapat dibentuk dalam suatu jangka masa satu masyarakat perdagangan dan perusahaan Melayu yang maju yang bakal berusaha samada setanding atau berkongsi dengan orang-orang bukan Melayu di sektor yang moden.

Dasar-dasar dan rancangan-rancangan belanjawan pembangunan awam telahpun mengadakan segala keperluan bagi mencapai matlamat ini.

Rancangan ini menjangkakan bahawa pihak swasta akan memainkan peranan yang penting bagi menambah tokok usaha-usaha Kerajaan untuk mencapai tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru. Segala galakan akan diberi kepada pihak swasta bagi menjalankan peranan masing-masing. Dengan galakan ini, serta iklim penanaman modal yang cerah dan juga peluang-peluang yang terbit dari usaha-usaha Kerajaan, saya harap matlamat tanaman modal dari pihak swasta akan tercapai. Segala bahagian pelengkap pelaburan swasta akan meluas dalam Rancangan Malaysia Kedua termasuklah pelaburan dalam loji perusahaan, galian (misalnya mengesan dan mengeluarkan hasil-hasil minyak) kelengkapan-kelengkapan pengangkutan serta pembinaan rumah dan gedung.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan, Rancangan Malaysia Kedua bukan sahaja berkehendakkan penanaman modal yang lebih banyak dari yang sudah-sudah bahkan melibatkan dasar-dasar dan rancangan-rancangan baru untuk menghadapi cabaran-cabaran. Bagi melaksanakan dasar-dasar dan rancangan-rancangan ini, saya sendiri akan bertindak untuk memastikan bahawa jentera Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan projek-projek terus bergiat hingga tercapai matlamatnya. Saya akan mengadakan taklimat-taklimat dan mendapatkan laporan-laporan (dari semua Kementerian dan Jabatan) mengenai kemajuan pelaksanaan Rancangan ini. Saya juga akan memeriksa projek-projek yang dilaksanakan di serata negara.

Rancangan ini merupakan keazaman Kerajaan hendak memupuk perpaduan negara dan mewujudkan satu masyarakat yang adil lagi progresif. Rancangan ini mesti dilaksanakan dengan jayanya. Dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru ini, Kerajaan memastikan bahawa tidak seorangpun akan mengalami kerugian atau merasa hak-hak asasinya, keistimewaan, pendapatan, pekerjaan atau peluang kerjanya dilucutkan. Kerajaan, pihak swasta dan semua rakyat segenap lapisan hidup hendaklah bekerjasama dengan sepenuhnya untuk menjayakan Rancangan ini. Langkah pertama yang sangat-sangat diperlukan ialah agar difaham dan diyakini akan tujuan dan strategi Rancangan ini oleh semuanya. Pihak Kerajaan pula akan memberi rakyat segala keterangan mengenai dasar dan tindakannya, serta membuat apa juga yang terdaya untuk membantu mereka. Kerajaan juga adalah sentiasa bersedia dan menerima cadangan-cadangan yang membina dari sesiapa pun, untuk menjayakan pelaksanaan Rancangan ini.

**RANCANGAN MALAYSIA YANG KEDUA 1971-1975
BELANJAWAN PEMBANGUNAN AWAM DENGAN PECAHAN SEKTOR**

(\$ Juta)

	Malaysia Barat	Sabah	Sarawak	Jumlah	Jumlah %
I. EKONOMI	3,812.36	565.92	416.66	4,794.94	66.1
Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar	1,586.86	198.40	151.60	1,936.86	26.7
Pertanian	108.70	8.48	32.03	149.21	2.1
Tanam Semula Getah	210.40	8.25	50.43	269.08	3.7
Kemajuan Tanah (LK-TP, LPPT, Rancangan-rancangan Tanah Belia, Ladang-ladang Awam dll.)	811.14	102.55	10.96	924.65	12.8

	Malaysia Barat	Sabah	Sarawak	Jumlah	Jumlah
Parit dan Taliair	228.17	15.39	12.93	256.49	3.5
Perhutanan.	8.67	7.21	2.35	18.23	0.3
Ternakan Haiwan ...	37.01	3.83	3.26	44.10	0.6
Perikanan.	39.79	2.18	3.87	45.84	0.6
Pemasaran dan Kredit Pertanian (Bank Pertanian LPPP, Kemajuan Kerjasama Lembaga Padi, dan Kredit Luar Bandar)	97.25	29.25	28.60	155.10	2.1
Penyelidikan Pertanian (MARDI dan Teknologi Makanan)	34.03	13.26	2.92	50.21	0.7
Lain-lain.	11.70	8.00	4.25	23.95	0.3
Pembangunan Perusahaan Logam.	0.50	0.18		0.68	-
Perdagangan dan Perusahaan.	464.53	12.75	6.32	483.60	6.7
PERNAS.	100.00		—	100.00	1.4
MARA	73.00			73.00	1.0
Kemajuan Kerjasama Ekonomi Negeri	50.00	12.75	6.32	69.07	0.9
Perumahan dan Bandar Syarikat Kewangan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad	(100.00)			(100.00)	
Pusat Memproses Getah	35.00			35.00	0.5
Badan Perkapalan Antarabangsa	46.00	-	-	46.00	0.6
Tanaman Modal Lain	45.05	-		45.05	0.6
Pelancungan.	10.00			10.00	0.2
Pusat Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara, Pusat Piawai Malaysia, Pusat Daya Pengeluaran Kebangsaan	5.48			5.48	0.1
Kajian Rancangan	23.26	0.10	7.00	300.36	0.4
Pengangkutan.	782.50	243.30	150.56	1,176.36	16.3
Jalan Raya dan Jambatan-jambatan ...	493.10	123.67	64.79	681.56	9.4
Keretapi.	85.70	8.02		93.72	1.3
Penerbangan Awam ...	49.76	46.60	12.40	108.76	1.5
Pelabuhan dan Laut	122.94	60.26	46.59	229.79	3.2
Loji dan Kelengkapan (Kerja Raya) ...	31.00	4.75	26.78	62.53	0.9
Hubungan-hubungan ...	287.31	65.54	47.17	400.02	5.5
Talikom	222.95	38.44	37.00	298.39	4.1
Penyiaran.	45.70	25.60	7.85	79.15	1.1

	Malaysia Barat	Sabah	Sarawak	Jumlah	Jumlah %
Pos	15.16	1.50	2.32	18.98	0.3
Perkhidmatan Kaji-cuaca	3.50	—	—	3.50	—
Kemudahan-kemudahan	667.40	45.65	54.01	767.06	10.5
Letrik	500.80	20.70	41.84	563.34	7.7
Bekalan Air	153.00	14.58	12.17	179.75	2.5
Saluran Najis ...	13.60	10.37	—	23.97	0.3
II. SOSIAL	922.42	113.56	107.43	1,143.41	15.8
Latihan dan Pelajaran	458.89	36.00	42.37	537.26	7.3
Rendah	55.09	11.00	7.82	73.91	—
Menengah	154.43	14.80	27.95	197.18	—
Melatih Bekerja, Menengah Lanjutan dan Teknik	47.86	4.23	4.10	56.19	—
Universiti Pertanian ...	18.00	—	—	18.00	—
Universiti Kebangsaan	40.00	—	—	40.00	—
Universiti Pulau Pinang	18.00	—	—	18.00	—
Universiti Malaya ...	11.05	—	—	11.05	—
Pelajaran TV Penyiaran Sekolah-sekolah ...	0.75	—	—	0.75	—
Institusi Teknologi MARA	42.88	—	—	42.88	—
Latihan/Biasiswa MARA	31.20	—	—	31.20	—
Maktab Rendah MARA	6.00	—	—	6.00	—
Lain-lain	33.63	5.97	2.50	42.10	—
Kesihatan dan Perancangan Keluarga ...	171.08	25.00	17.57	213.65	3.0
Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan ...	292.45	52.56	47.49	392.50	5.5
Lembaga Kemajuan					
Bandaran	100.00	—	—	100.00	1.4
Perumahan	136.16	23.23	12.50	171.89	2.4
Rancangan Rumah Murah	80.18	23.23	12.50	115.91	—
Rancangan Perumahan, Kampung Baru ...	9.50	—	—	9.50	—
Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan ...	30.00	—	—	30.00	—
Lain-lain	16.48	—	—	16.48	—
Kebudayaan Belia dan Sukan	5.00	1.23	1.00	7.23	0.1
Perkhidmatan Masyarakat	32.98	26.04	33.51	93.53	1.3
Perkhidmatan Kebajikan	10.93	2.06	0.48	13.47	0.2
Orang Asli	7.38	—	—	7.38	0.1

	Malaysia Barat	Sabah	Sarawak	Jumlah	Jumlah %
III. PENTADBIRAN AWAM ...	139.27	39.72	32.59	211.58	2.9
IV. KESELAMATAN ...	994.07	54.60	51.40	1,100.07	15.2
Pertahanan ...	813.07	24.60	12.40	850.07	11.7
Keselamatan Dalam Negeri ...	181.00	30.00	39.00	250.00	3.5
JUMLAH ...	5,868.12	773.80	608.08	7,250.00	190.0

1. Termasuk peruntukan pembangunan sebanyak \$518.6 juta dan \$242.8 juta dari punca-punca persendirian, badan-badan yang berkanun dan Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia Barat.
2. Termasuk peruntukan Persekutuan sebanyak \$381.4 juta.
3. Termasuk peruntukan Persekutuan sebanyak \$383.1 juta.



Tun Abdul Razak bin Hussein melafazkan ucapan Taat Setia dan ucapan Selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung sempena Hari Keputeraan Rasmi Baginda di Istana Negara, Kuala Lumpur, pada 2hb Jun, 1971.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)